

Kes terima rasuah RM3 juta

## Saksi tak tahu wang untuk diguna Mohd Isa

**Kuala Lumpur:** Saksi memberitahu Mahkamah Tinggi semalam bahawa beliau tidak tahu wang digunakan di Maybank Cawangan Jelapang Perak, dan diberi kepada bekas Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Gopuan Abadi Properties Sdn Bhd (GAPSB), Ikhwan Zakel, adalah untuk kegunaan Tim Seri Mohd Isa Abdul Samad.

Azizi Abd Wahab, 61, memaklumkan perkara itu ketika membara keterangan saksi hari ke-12 perbicaraan kes pada prosiding di hadapan Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Mohd Isa, yang juga bekas Pengerusi FELDA, menghadapi kes pecah amanah dan sembilan pertuduhan menerima rasuah lebih RM3 juta lima tahun lalu.

Azizi yang juga Pengarah JV Evolution Sdn Bhd (JVESB), selaku saksi ke-17 pendakwaan, berkata sepanjang masa, beliau hanya berurusan dengan Ikhwan.

"Saya tidak pernah berjumpa atau berurusan dengan Mohd Isa, hanya jumpa pegawai khas kepada Mohd Isa, Muhammad Zahid Md Arip, ketika memperkenalkannya Ikhwan kepadanya dan ketika lawatan saya ke Merdeka Palace Hotel & Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak."

"Syarikat JVESB ditubuhkan bersama Muzed Abd Wahab pada 11 Oktober 2013, selepas menerima surat lantikan sebagai ejen penjualan MPHS daripada Ikhwan melalui syarikat GAPSB," katanya.

Saksi itu menjelaskan, sepanjang Julai 2014 hingga Disember 2015 terdapat lapan siri pengeluaran dan penyerahan wang antara RM240,000 hingga RM500,000 di Maybank Cawangan Jelapang. "Ikhwan akan menestikan saya

setiap kali memerlukan wang. Sepanjang itu, saya dan Muzed akan urusidat pengeluaran wang di bank berkenaan sebelum berjumpa dengan Ikhwan lagi menyerahkan wang tunai diperakannya di beberapa siri lokasi dan masa," katanya.

Sementara itu, dalam prosiding pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, S Nithia, saksi berkata tidak bersetuju apabila ditanyakan perubahan JVESB dibuat atas arahan Ikhwan.

**Nithia:** Pihak pembelaan mencadangkan perubahan JVESB atas arahan Ikhwan, anda setuju?

**Azizi:** Tidak. Ikhwan hanya minta majukan syarikat supaya dapat diserahkan kepada Ahli Lembaga Pengarah GAPSB dan dilantik sebagai ejen hartanah.

**Nithia:** Kenapa perlu majukan syarikat ini?

**Azizi:** Ini berikutan saya dan Muzed tiada berpepahaman dalam bidang hartanah.

**Nithia:** Pihak pembelaan juga mencadangkan anda kecil, adakah anda setuju?

**Azizi:** Tidak setuju. Tanpa saya, Ikhwan tidak akan mempunyai akses terhadap FELDA dan Muhammad Zahid.

**Nithia:** Boleh anda jelaskan mengapa anda tidak menyimpan kesemua lapan rekod catatan berkenaan penyerahan wang tunai kepada Ikhwan?

**Azizi:** Pada saya, tiada keperluan memandangkan pengeluaran sudah tercatat pada kenyataan bank, malah syarikat itu juga ditutup.



Mohd Isa hadir ke Mahkamah Tinggi Jenayah 3, Kompleks Mahkamah Flarid Lumpur, semalam.

Saksi itu turut memberitahu mahkamah bahawa JVESB sedia melepaskan komisi RM9 juta hasil penjualan MPHS kepada FELDA, untuk mewujudkan keperayaan.

Azizi berkata syarikatnya bersetuju untuk serah balik RM3 juta daripada jumlah komisi RM9 juta yang diperoleh selepas diminta oleh Ikhwan bagi tujuan 'dana politik' di Sarawak.

"Saya dan Muzed ingin wujudkan kepercayaan Ikhwan kepada kami. Jadi, persetujuan ini serah balik RM3 juta, adalah 'pelepasan' kami supaya diberi peluang bertapak di Sarawak."

"Keperayaan bermaksud memulakan perniagaan Ikhwan supaya dia percaya pada kami," katanya.

Sementara itu, pada prosiding sama, saksi pendakwaan ke-18, Ramey Zaidi, 60, memberitahu beliau diturunkan adiknya, Ikhwan, untuk berjumpa Azizi pada 30 Ogos 2015.

Katanya, Azizi menghulangnya dan memberitahu akan serahkan beg hitam mengandungi wang tunai RM300,000.

"Kita-kita jam 4 petang, semasa saya selesai mesyuarat di ibu kota, Ikhwan menghulungi saya dan meminta untuk membawa pulang satu beg hitam mengandungi wang tunai RM300,000 ke Kuching."

"Sejam kemudian, Azizi pula menafikan saya dan memaklumkan perkara itu dan kami bersetuju untuk berjumpa di sebuah restoran di Setiawangsa pada jam 6 petang.

"Azizi datang bersendirian. Saya tidak tanya tujuan wang itu

**Saya tidak pernah berjumpa atau berurusan dengan Mohd Isa, hanya jumpa pegawai khas kepada Mohd Isa, Muhammad Zahid Md Arip, ketika memperkenalkan Ikhwan kepadanya dan ketika lawatan saya ke Merdeka Palace Hotel & Suites (MPHS) di Kuching, Sarawak.**

**Azizi Abd Wahab, Saksi**

diberikan dan percaya padanya serta pulang ke Kuching kesokan hari," katanya.

Pada 14 Disember 2018, Mohd Isa mengaku tidak beralah atas satu pertuduhan pecah amanah dan sembilan pertuduhan menerima rasuah berjumlah lebih RM3 juta bagi meluluskan pembelian sebuah hotel di Kuching Sarawak oleh FICSB.

Dia didakwa melakukan perbuatan pecah amanah di Tingkat 50, Menara FELDA, Platinum Park, Persiaran KLCC pada 29 April 2014 mengikut Seksyen 241 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan selatun dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Selain kesalahan menerima rasuah pula didakwa di Tingkat 6, Menara FELDA, Platinum Park, Persiaran KLCC antara 21 Julai 2014 dan 11 Disember 2015.

Pertuduhan mengikut Seksyen 241(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu boleh dihukum mengikut Seksyen 241(1) akta sama, jika sabit kesalahan boleh dipertanggungjawabkan oleh pegawai

tersebut. Pertuduhan bersambung hari ini.